

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 13/7/2008

Nilai debat Shabery-Anwar dari sudut kebenaran

UM-13/7/2008

KUALA LUMPUR 12 Julai - Perdebatan antara Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Shabery Cheek dengan Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak seharusnya dinilai dari sudut kehebatan berpidato, tetapi yang penting adalah aspek kebenaran dan realiti.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, aspek itu yang penting untuk difahami rakyat kerana jika petah sekalipun, ia tidak bermakna sekiranya fakta diputar belit dan dipesongkan.

"Kebenaran yang harus diangkat dalam perdebatan ini, bukan soal siapa yang lebih petah bercakap. Yang penting fakta.

"Kalau petah bercakap, tetapi fakta diputar belit itu tak guna. Kita nak kebenaran walau tak se petah orang lain, itu yang penting. Kebenaran dan realiti, itu yang mesti difahami rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan Forum Penerangan Mengenai Inflasi dan Kenaikan Harga Minyak di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Panel pada forum tersebut ialah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Shahrir Abdul Samad dan Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Shabery dan Anwar dijadual terlibat dalam debat anjuran sebuah portal berita yang diberi tajuk *Hari Ini Membentuk Kerajaan, Esok Turun Harga Minyak*.

Debat itu dijadual berlangsung di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Selasa ini.

Sementara itu, menurut Muhammad, tindakan Shabery untuk berdebat dengan Anwar adalah satu cara yang baik untuk mempertahankan keputusan kerajaan walaupun berdepan dengan pimpinan tertinggi pembangkang.

"Sekarang tahun 2008, kita perlu telus, berani dan sebab kita bersedia berdepan.

"Kita tak ada masalah untuk bersuara. Ini kerana kerajaan yakin bahawa kita berada di jalan yang benar," jelasnya.

Justeru, beliau berharap, perdebatan Selasa ini dapat difahami rakyat secara rasional tentang tindakan kerajaan mengenai penstrukturan subsidi bahan bakar.

Katanya, selama ini, rakyat dikelirukan dan dipesongkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab seolah-olah harga minyak boleh diturunkan jika mereka berkuasa.

Jelas beliau, cara mereka ialah dengan menggunakan duit keuntungan Petronas sepenuhnya untuk tujuan subsidi bagi menurunkan harga minyak.